

# Guna teknologi tingkat hasil petani

BH- 1/10/2021 m/s: 16

## RMK-12 perlu tumpu usaha bantu penduduk luar bandar

Laporan Mohd Iskandar  
Ibrahim, Ahmad Suhael Adnan  
dan Fahmy A Rosli  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) perlu memberi tumpuan kepada penggunaan teknologi terkini untuk membantu meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar, sekali gus membawa kelompok itu keluar daripada kemiskinan.

Mengemukakan cadangan itu, Tun Dr Mahathir Mohamad (PEJUANG-Langkawi), berkata penggunaan teknologi akan membolehkan penduduk luar bandar memaksimumkan hasil daripada tanah 'sekangkang kera' yang dimiliki ramai individu


selepas melalui proses faraid selama beberapa generasi.

"Perlu ada pemikiran lebih terbuka kepada teknologi moden kerana selagi kita paksa petani tanam padi dalam sebidang tanah seluas sekangkang kera, maka tidak dapat atasi masalah kemiskinan di kampung.

"Bahkan ada cara baharu termasuk ternakan udang galah, ikan (dalam sawah) atau pertanian bercampur seperti sayur dan buah-buahan, tidak terhad kepada menanam padi," katanya membahaskan usul RMK-12 di Dewan Rakyat, semalam.

Terdahulu, beliau memaklumkan ada agensi kerajaan yang menolak cadangan pihak tertentu untuk mencuba penternakan udang galah dalam sawah sebagai sumber pendapatan baharu kepada petani.

"Sudah tiga tahun pihak yang mencadang idea minta kebenaran sama ada projek ini boleh dilaksanakan. Tapi pihak berkuasa kerajaan menyatakan udang galah itu berbahaya kerana ia berasal dari China dan jika ban-



Dr Mahathir ketika membahaskan usul RMK-12 di Dewan Rakyat, semalam.

(Foto BERNAMA)

jir akan masuk dalam sungai dan makan semua ikan. Nak cuba pun tak dibenarkan," katanya.

Berhubung isu tanah kecil milik petani luar bandar, Dr Mahathir turut mencadangkan kerajaan mempertimbang mencan-

tumkannya supaya diurus sebagai estet secara profesional.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir turut mencadangkan supaya kerajaan menggunakan khidmat juruaudit swasta, di samping memperkemas sistem

audit dalaman bagi mengatasi ketirisan wang awam yang berlaku setiap tahun.

Merujuk pada ketirisan membabitkan projek uCUSTOMS dengan kos hampir RM280 juta, beliau berkata, audit dalaman oleh kerajaan sahaja tidak memadai untuk menghentikan ketirisan seumpama itu.

Meskipun perkhidmatan juruaudit swasta memerlukan belanja agak tinggi, bekas Perdana Menteri itu percaya ia berbaloi untuk menjimatkan lebih banyak wang kerajaan daripada pembaziran.

Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2019 Siri 2 yang dibentang di Parlimen Selasa lalu, antara lain mendedahkan kerajaan membayar RM272.99 juta bagi melaksanakan uCUSTOMS.

Namun, projek untuk Jabatan Kastam Diraja Malaysia itu gagal disiapkan selepas tujuh tahun dua bulan dan lima kali perlanjutan masa diberikan, sekali gus menjadi kes ketirisan dan pembaziran terbesar dana kerajaan.